

Kelembapan Ekonomi Dunia Mempengaruhi Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bank Dunia meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia untuk tahun ini dijangka sederhana. Keadaan ini merupakan kesinambungan dari pertumbuhan tahun lepas yang merekodkan pertumbuhan yang lembap, iaitu 2.4 peratus setahun berbanding dengan jangkakan awal 2.6 peratus. Kelembapan ekonomi dunia ini, antara lain di pengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan di kalangan ekonomi pasaran yang pesat membangun semenjak tahun 2010.

Lima ekonomi besar di kalangan pasaran yang pesat membangun terdiri dari negara-negara Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan atau dikenali sebagai BRICS. Empat dari negara-negara BRICS tersebut mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan, kecuali India. Pertumbuhan ekonomi negara-negara BRICS mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia. Maka ekonomi dunia dijangka tumbuh dengan perlahan untuk sekurang-kurangnya dua tahun akan datang.

Bank Dunia meramalkan bahawa setiap pengurangan satu peratus pertumbuhan ekonomi BRICS akan menyebabkan pengurangan pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 0.4 peratus untuk dua tahun akan datang. Manakala kesan terhadap lain-lain negara pesat membangun termasuk Malaysia adalah pengurangan pertumbuhan ekonomi dijangka sebanyak 0.8 peratus untuk dua tahun akan datang.

Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di kalangan negara-negara BRICS, dan juga lain-lain negara pesat membangun, adalah disebabkan oleh harga komoditi yang rendah dan pengurangan aliran perdagangan dan modal. Komoditi-komoditi utama mengalami penurunan harga yang ketara termasuk minyak petroleum mentah dan komoditi pertanian seperti kelapa sawit. Oleh kerana kesan terhadap ekonomi ini melibatkan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

aliran perdagangan dan modal, maka ianya memberi tekanan menurun kepada kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia.

Sebagai sebuah negara perdagangan yang kecil, ekonomi Malaysia terdedah kepada keadaan ekonomi dunia. Di kalangan negara-negara BRICS, cuma China dan India merupakan rakan dagang utama Malaysia. Kelembapan ekonomi China memberi kesan terus kepada ekonomi Malaysia melalui pengurangan permintaan terhadap eksport dari Malaysia. Namun begitu pertumbuhan ekonomi India yang agak sihat membantu meningkatkan permintaan untuk eksport dari Malaysia, terutama untuk kelapa sawit.

Namun demikian, kesan tidak langsung turut dirasai oleh ekonomi Malaysia melalui pengurangan aliran perdagangan dan modal dunia. Kebanyakan rakan dagang negara terkesan oleh gangguan aliran perdagangan dan modal dunia. Justeru, permintaan untuk eksport dari Malaysia akan terkesan oleh situasi ini.

Dalam pada itu, harga komoditi terutama minyak petroleum mentah tidak menunjukkan isyarat untuk pulih di dalam masa terdekat ke tahap yang seperti yang di sasarkan oleh Bajet 2016. Malahan, terdapat penganalisis, terutama dari Amerika Syarikat, yang menganggarkan harga minyak akan terus turun sehingga ke paras 20 dolar Amerika setong, atau kurang, pada tahun ini. Jika ini menjadi realiti, ianya akan terus melembapkan pertumbuhan ekonomi dunia yang terus memberi kesan kepada negara melalui pengurangan permintaan untuk eksport dari Malaysia. Selain dari itu, kekurangan perolehan kerajaan hasil dari penurunan harga minyak juga akan turut menjejaskan pelaksanaan sesetengah dasar fiskal yang perlu untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Unjuran penurunan terus harga minyak petroleum mentah adalah berdasarkan keadaan penawaran yang masih berlebihan di dalam pasaran kerana negara-negara pengeluar minyak yang bernaung di bawah OPEC meneruskan strategi untuk tidak mengurangkan pengeluaran. Ini adalah bertujuan untuk melemahkan pesaing-pesaing mereka dari kalangan pengeluar minyak syal (*shale*) Amerika yang mempunyai kos pengeluaran yang tinggi. Kini pengeluaran minyak dunia meningkat disebabkan oleh peningkatan

pengeluaran minyak syal. Jika harga minyak terus menurun, pengeluar-pengeluar minyak syal akan menanggung kerugian kerana kos pengeluaran mereka yang tinggi.

Justeru, OPEC meneruskan strategi memberi penekanan kepada pengeluar minyak syal Amerika Syarikat dengan memastikan harga minyak tidak meningkat ke tahap melebihi titik pulang modal mereka. Malahan sudah terdapat sesetengah pengeluar minyak syal yang terpaksa menghentikan pengeluaran kerana tidak menguntungkan. Jika OPEC mengurangkan pengeluaran, harga minyak akan kembali meningkat dan ini adalah dialu-alukan oleh para pengeluar minyak syal. Permainan strategi pengeluar-pengeluar minyak dunia ini akan terus mempengaruhi keadaan ekonomi dunia untuk masa terdekat.

Keadaan ekonomi dunia ini di samping mempengaruhi aliran perdagangan juga turut memberi kesan kepada aliran modal. Aliran modal dunia dipengaruhi oleh pendapatan negara pemilik modal dan kadar faedah negara penerima modal. Peningkatan pendapatan negara pemilik modal memberi kesan kepada pengaliran keluar modal, sama ada untuk modal jangka panjang atau modal jangka pendek. Keadaan ini baik untuk negara yang menerima pelaburan modal tersebut. Manakala kesan kadar faedah adalah bercampur, bergantung kepada sama ada modal jangka panjang atau modal jangka pendek.

Kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat baru-baru ini turut memberi kesan terhadap aliran perdagangan dan modal dunia. Eksport barangan Malaysia ke Amerika Syarikat dijangka menurun kerana pertumbuhan ekonominya yang makin perlahan. Tujuan dasar kenaikan kadar faedah yang di laksanakan oleh Amerika Syarikat adalah untuk memperlahankan pertumbuhan ekonomi bagi mengekang kenaikan kadar inflasi. Kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat juga turut mengundang peningkatan aliran modal jangka pendek dari lain-lain negara termasuk Malaysia ke Amerika Syarikat.

Berdasarkan senario di atas, seperkara yang jelas adalah bahawa keadaan ekonomi dunia kini memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian kebergantungan kepada sektor domestik untuk memacu pertumbuhan ekonomi adalah amat penting. Namun demikian, perlu diingat pertumbuhan permintaan domestik yang terlampau tinggi akan mengundang peningkatan kadar inflasi. Ini

seterusnya akan memberi tekanan kepada peningkatan kos sara hidup yang di rasai kini.

Orang ramai perlu memahami cabaran ekonomi semasa ini supaya mampu mengambil langkah yang sewajarnya. Perlu diingat bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia masih positif tetapi perlahan. Bermakna Malaysia tidak mengalami kemelesetan ekonomi. Berkemungkinan tidak ramai pekerja yang akan kehilangan pekerjaan, tetapi pada masa yang sama tidak banyak pekerjaan baru akan diwujudkan. Kesannya, para pencari pekerjaan baru mungkin akan mengalami kesukaran. Untuk mengatasi isu ini, para graduan di galakkan untuk bekerja sendiri dengan menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberi nilai tambah yang tinggi. Antaranya seperti aktiviti pengeluaran pertanian yang berbentuk komersial atau aktiviti-aktiviti hilirannya seperti pemprosesan, pengagihan dan sebagainya.

Pelbagai bantuan disediakan oleh kerajaan untuk membantu bakal usahawan untuk memulakan aktiviti mereka. Pembentukan dan penglibatan usahawan begini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah kekurangan pekerjaan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan, malah ianya memberi sumbangan yang lebih bermakna untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan.

Sebagai pengguna pula, orang ramai perlu berbelanja secara lebih berhemah untuk mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup yang sebenarnya lebih berpunca dari pendapatan yang tidak meningkat selari dengan peningkatan harga. Salah satu kaedah yang perlu diamalkan adalah dengan mengamalkan catuan diri, bukan dengan mengurangkan kuantiti tetapi dengan menukar kepada barangan pengganti. Peratusan pendapatan yang dibelanjakan untuk barangan keperluan tidak berubah dan kuantiti tidak dikurangkan. Lagipun pengguna sekarang mempunyai lebih banyak pilihan di pasaran.